

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	7 December 2015



PSWM mengambil inisiatif menu-
buhkan Kursi Dr Siti Hasmah seba-
gai tanda hormat dan kagum ter-
hadap tokoh wanita yang banyak
berbakti kepada negara terutama
berkaitan wanita serta kanak-
kanak.

Fauziah berkata, projek Kursi
Dr Siti Hasmah dimulakan pada
tahun 1996 dengan penubuhan
Tabung Dasiswa PSWM.

Katanya, berkat sumbangan
murni daripada pelbagai pihak,

kursi berkenaan berjaya ditu-
buhkan dan ditempatkan di UM
kerana statusnya sebagai universiti
pertama ditubuhkan di negara ini.

**Terbuka kepada
semua universiti**

"Begitupun, pemegang kursi tidak
terhad kepada profesor wanita
daripada universiti ini saja, mala-
han terbuka kepada universiti lain
di Malaysia atau di luar negara,"
katanya.

Sebelum ini, penyandang per-
tama Kursi Dr Siti Hasmah diberik-
kan kepada Prof Halyah Ibrahim
pada 26 Ogos 2003 dengan kajian
bertajuk *Biodiversity Studies and
Bioprospecting of Zingiberaceae Spe-
cies for Selected Medicinal Properties*.

Penyandang kursi kedua, Prof
Dr Nik Meriam Nik Sulaiman pada
15 Jun 2010 dengan tajuk kajian
*Transforming Sustainability Strategy
' Into Action - The Case For Malaysian
Process Industry*.



Dr Siti Hasmah (kiri)
bersalaman dengan Abu Kasim Ibrahim (kanan) sambil
diperhatikan oleh Halimah (dua kanan) dan Dr Noor Hayaty.